

HYZAAR[®]/FORTZAAR[®]

Losartan Kalium/Hydrochlorothiazide (50mg/12.5mg, 100mg/12.5mg, 100mg/25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *HYZAAR/FORTZAAR*
2. Bagaimana *HYZAAR/FORTZAAR* berfungsi
3. Sebelum mengguna *HYZAAR/FORTZAAR*
4. Cara menggunakan *HYZAAR/FORTZAAR*
5. Semasa menggunakan *HYZAAR/FORTZAAR*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *HYZAAR/FORTZAAR*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Sila baca risalah ini dengan teliti sebelum anda memulakan pengambilan ubat anda, walaupun anda baru sahaja mengisi semula preskripsi anda. Sesetengah maklumat di dalam risalah dahulu mungkin telah berubah.

Diingatkan bahawa doktor anda telah menyediakan preskripsi ini hanya untuk anda. Jangan sesekali memberikannya kepada orang lain.

Apakah kegunaan *HYZAAR/FORTZAAR*

HYZAAR/FORTZAAR adalah satu kombinasi penyekat angiotensin II reseptor (losartan) dan satu diuretik (hydrochlorothiazide). Losartan dan hydrochlorothiazide bekerjasama untuk mengurangkan tekanan darah tinggi. Jika anda mengalami tekanan darah tinggi dan penebalan di bahagian kiri ventrikel, pengepam utama kebuk ventrikel jantung, doktoranda telah memberi preskripsi *HYZAAR/FORTZAAR* untuk membantu mengurangkan risiko kejadian kardiovaskular, seperti serangan strok.

Bagaimana *HYZAAR/FORTZAAR*

berfungsi

Bahan losartan dalam *HYZAAR/FORTZAAR* mengurangkan tekanan darah dengan menghalang sabutahan khusus yang di panggil angiotensin II. Angiotensin II biasanya mengetatkan saluran darah. Bahan losartan dalam *HYZAAR/FORTZAAR* menenangkannya. Bahan losartan *HYZAAR/FORTZAAR* bertindak dengan membiarkan buah pinggang mengeluarkan lebih air dan garam. Kedua-dua losartan dan hydrochlorothiazide mengurangkan tekanan darah tinggi. Walaupun doktoranda boleh memberitahu anda bahawa ubat tersebut berkesan dengan cara mengambil tekanan darah anda, anda mungkin tidak akan terasa perbezaannya semasa anda mengambil *HYZAAR/FORTZAAR*.

Kenapa doktor saya memberi preskripsi *HYZAAR/FORTZAAR*?

Doktor anda telah mempreskripsikan *HYZAAR/FORTZAAR* kerana anda mengalami keadaan yang dikenali sebagai hipertensi atau tekanan darah tinggi. Bagi pesakit yang mengalami tekanan darah tinggi dengan penebalan di bahagian kiri ventrikel *losartan*, selalunya dengan kombinasi *hydrochlorothiazide*, mengurangkan risiko serangan strok dan serangan jantung dan membantu pesakit hidup lebih lama. (lihat **Sebelum mengguna *HYZAAR/FORTZAAR*, Penggunaan oleh pesakit orang kulit hitam yang mempunyai tekanan darah tinggi dengan penebalan di bahagian kiri ventrikel)**)

Apakah itu tekanan darah?

Tekanan yang disebabkan oleh jantung anda yang mengepam darah ke semua bahagian badan anda dipanggil tekanan darah. Tanpa tekanan darah tidak akan ada peredaran darah dalam badan anda. Tekanan darah biasa

adalah sebahagian dari kesihatan yang baik. Tekanan darah anda berubah-ubah pada siang hari bergantung kepada aktiviti, tekanan dan tahap keseronokan.

Tekanan darah anda diperolehi dengan bacaan dua nombor, sebagai contoh 120/80. Nombor di atas mengukur daya semasa jantung mengepam.

Nombor di bawah mengukur daya semasa rehat, diantara denyutan.

Apakah itu tekanan darah tinggi (atau hipertensi)?

Anda mempunyai tekanan darah tinggi atau hipertensi jika tekanan darah anda kekal tinggi walaupun apabila anda dalam keadaan tenang dan relaks.

Tekanan darah tinggi terjadi apabila saluran darah mengetat, membuatnya sukar untuk darah mengalir.

Bagaimana saya tahu jika saya mempunyai tekanan darah tinggi?

Biasanya tiada simptom bagi tekanan darah tinggi. Hanya satu cara untuk mengetahui jika anda mempunyai hipertensi iaitu dengan mengetahui tekanan darah anda. Dengan sebab itu, anda perlu sentiasa memeriksa tekanan darah anda.

Kenapa perlu merawat tekanan darah tinggi?

Tekanan darah tinggi jika tidak dirawat boleh merosakkan organ penting seperti jantung dan buah pinggang. Anda mungkin merasa sihat dan tidak mempunyai simptom, tetapi lama kelamaan tekanan darah tinggi boleh mengakibatkan serangan strok, serangan jantung, kegagalan fungsi jantung, kerosakan buah pinggang atau buta.

Bagaimana tekanan darah tinggi patut dirawat?

HYZAAR®/FORTZAAR®

Losartan Kalium/Hydrochlorothiazide (50mg/12.5mg, 100mg/12.5mg, 100mg/25mg)

Setelah tekanan darah dikenal pasti, beberapa rawatan lain selain dari ubatan boleh dicadangkan. Doktor anda mungkin mencadangkan sedikit perubahan dalam cara kehidupan. Doktor anda mungkin menentukan bahawa anda perlu mengambil ubat untuk mengawal tekanan darah anda. Tekanan darah tinggi boleh dirawat dan dikawal dengan mengambil ubat-ubatan seperti *HYZAAR/FORTZAAR*.

Doktor anda boleh memberitahu angkasasaran bagi tekanan darah anda yang sepatutnya. Ingat angka ini dan ikut nasihat doktor anda tentang bagaimanamencapai sasaran ini.

Apakah yang menyebabkan penebalan pada bahagian kiri kebukventrikel?

Tekanan darah tinggi menyebabkan jantung bekerja dengan lebih keras. Lama kelamaan, ini boleh menyebabkan penebalan pada jantung.

Mengapa pesakit yang mengalami penebalan pada bahagian ventrikelkebuk jantung perlu dirawat?

Penebalan pada bahagian kiri kebuk ventrikel berkaitan dengan peningkatan peluang untuk mengalamiserangan strok. Bagi pesakit yang mengalami tekanan darah tinggi dengan penebalan pada bahagian kiri kebuk ventrikel, *losartan* telah berkesan dalam mengurangkan risiko kepada kejadian kardiovaskular seperti serangan strok.

Sebelum mengguna *HYZAAR/FORTZAAR*

- Bila tidak boleh mengambil
Jangan mengambil
HYZAAR/FORTZAAR jika

anda:

- mempunyai alahan dengan sebarangbahan dalamnya. (lihat, **Apakah kegunaan *HYZAAR/FORTZAAR***)
 - mempunyai alahan dengan sebarangubat mengandungi sulfonamide
 - tidak membuang air kecil
 - menghidap diabetes dan sedang mengambil sejenis ubat dipanggil aliskeren untuk mengurangkan tekanandarah
- Jika anda tidak pasti sama ada andaperlu mula mengambil

HYZAAR/FORTZAAR, hubungi doktoranda.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda atau ahli farmasitentang sebarang masalah kesihatan yang anda sedang alami atau telah alami, dan tentang sebarang alahan.

Beritahu doktor anda jika anda baru-baru ini mengalami muntah yang berlebihan atau cirit-birit.

Ianya penting terutama sekali jika andamenghidap penyakit hati atau penyakitbuah pinggang, gaut, kencing manis, lupus erythematosus, atau anda sedangdirawat dengan diuretik lain (tablet air). Dalam hal-hal ini, doktor anda mungkin perlu mengubah dos ubat- ubatan anda.

Beritahu doktor jika anda sedang menggunakan ubat-ubat lain yang boleh meningkatkan aras kalium didalam serum (lihat bahagian ***Jika mengambil ubat-ubat lain***).

Sebelum operasi dan anestesia (walaupun di klinik pergigian), beritahu doktor tersebut atau doktor gigi bahawa anda mengambil *HYZAAR/FORTZAAR*, memandangkanboleh berlaku penurunan tekanan darah secara mendadak semasa menerima anestesia (ubat bius).

Beritahu penjaga kesihatan anda jika anda pernah menghidap kanser kulit sebelum menggunakan *HYZAAR/FORTZAAR* atau jika anda mengalami lesi kulit yang tidak dijangka semasa rawatan. Rawatan menggunakan hydrochlorothiazide, terutama pada dos yang tinggi untuk tempoh rawatan yang lama, mungkin meningkatkan risiko sesetengah jenis kanser kulit dan bibir (kanser kulit bukan melanoma). Lindungilah kulit anda daripada sinaran matahari dan sinar UV semasa menggunakan *HYZAAR/FORTZAAR*.

Jika anda mengalami masalah pernafasan atau paru-paru (termasuk keradangan atau cecair di dalam paru-paru) selepas pengambilan hydrochlorothiazide pada masa lalu. Jika anda mengalami sebarang sesak nafas yang teruk atau kesukaran bernafas selepas mengambil *HYZAAR/FORTZAAR*, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Pada amnya, *HYZAAR/FORTZAAR* boleh diambil bersama dengan ubat-

ubatan lain. Walau bagaimanapun, anda perlu memberitahu doktor anda tentang semua ubat-ubatan lain yang anda sedang ambil atau merancang untuk ambil, termasuk yang diperolehitanpa preskripsi. Ianya penting bagi anda memberitahu doktor anda jika anda mengambil

- tambahan kalium
- agen kalium-sparing
- pengganti garamyang mengandungi kalium atau ubat- ubat lain yang boleh meningkatkan aras kalium di dalam serum (misalnyaproduk yang mengandungi *trimethoprim*)
- ubatan lain untuk mengurangkan tekanan darah
- diuretik lain (tablet air)
- resins bagi mengurangkan

HYZAAR®/FORTZAAR®

Losartan Kalium/Hydrochlorothiazide (50mg/12.5mg, 100mg/12.5mg, 100mg/25mg)

- kolesterol tinggi
- ubat-ubatan merawat diabetes termasuk insulin
- penenang otot
- pressor amineseperti adrenaline
- steroid
- ubatan tertentu bagi menahan sakit dan arthritis
- litium (sejenis dadah untuk merawat kemurungan).
- jus limau gedang (yang harus dielakkan semasa mengambil COZAAR)

Ubat penenang, narkotik, alkohol dan analgesik juga boleh memberi kesan kepada *HYZAAR/FORTZAAR*, jadi anda patut beritahu pada doktor jika anda mengambil mana-mana ubat ini.

Cara menggunakan *HYZAAR/FORTZAAR*

- Berapa banyak harus digunakan

Tekanan darah tinggi

Dos biasa bagi kebanyakan pesakit tekanan darah tinggi ialah 1 tablet *HYZAAR* 50/12.5mg sehari untuk mengawal tekanan darah dalam tempoh 24 jam.

Pesakit tekanan darah tinggi dengan penebalan pada bahagian kiri ventrikel

Dos permulaan biasa ialah 50 mg losartan sekali sehari. Jika angka sasaran tekanan darah tidak tercapai dengan losartan 50 mg, doktor anda akan memberi satu preskripsi kombinasi losartan dan dos rendah hydrochlorothiazide (12.5 mg). Doktor anda akan menambah jumlah dos losartan dan hydrochlorothiazide secara berperingkat sehingga dos yang betul bagi anda diperolehi.

- Bila perlu digunakan

HYZAAR/FORTZAAR boleh diambil dengan makanan atau tanpa

makanan. Untuk menyenangkan dan membantua anda mengingatnya, cuba makan *HYZAAR/FORTZAAR* pada waktu yang sama setiap hari.

- Berapa lama perlu digunakan

Makan *HYZAAR/FORTZAAR* setiap hari, seperti yang telah diarahkan oleh doktor anda. Adalah penting meneruskan pengambilan *HYZAAR/FORTZAAR* selagi doktor anda mengarahkan pengambilannya bagi mengekalkan pengawalan lancapada tekanan darah anda.

- Jika terlupa menggunakan

Cuba ambil *HYZAAR/FORTZAAR* setiap hari seperti yang dipreskripsi. Walau bagaimanapun, jika anda tertinggal satu dos, jangan ambil dostambahan. Teruskan pengambilan biasa seperti yang dijadualkan.

Jika mengambil berlebihan (terlebihdos)

Jika mengambil lebih dos, hubungi doktor anda segera supaya rawatan perubatan boleh diberikan dengan segera.

Semasa menggunakan *HYZAAR/FORTZAAR*

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arah doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil *HYZAAR/FORTZAAR*.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau

ahli farmasi anda.

- Jangan berkongsi *HYZAAR/FORTZAAR* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Penggunaan semasa hamil dan menyusui

Pengambilan *HYZAAR/FORTZAAR* semasa anda hamil atau menyusui tidak digalakkan.

HYZAAR/FORTZAAR boleh menyebabkan kemudaratan atau kematian kepada bayi dalam kandungan. Berbincang dengan doktor anda tentang cara-cara lain untuk menurunkan tekanan darah anda jika anda merancang untuk mengandung. Jika anda hamil semasa pengambilan *HYZAAR/FORTZAAR*, berbincang dengan doktor anda dengan segera.

Penggunaan oleh kanak-kanak

Tiada terdapat pengalaman penggunaan *HYZAAR/FORTZAAR* dalam kalangan kanak-kanak. Dengan itu *HYZAAR/FORTZAAR* tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak.

Penggunaan oleh orang tua

Pada amnya, *HYZAAR/FORTZAAR* berkesan dalam kebanyakan rawatan bagi kedua-dua pesakit golongan lebih tua dan yang muda. Kebanyakan pesakit yang lebih berumur memerlukan dos yang sama seperti pesakit yang lebih muda. Pesakit yang lebih berumur perlu memulakan rawatan dengan mengambil tablet *HYZAAR* 50/12.5 mg.

Penggunaan oleh pesakit orang kulithitam yang mempunyai tekanan darah tinggi dengan penebalan di bahagian kiri ventrikel

Dalam satu kajian ke atas pesakit tekanan darah tinggi dengan

HYZAAR®/FORTZAAR®

Losartan Kalium/Hydrochlorothiazide (50mg/12.5mg, 100mg/12.5mg, 100mg/25mg)

penibaldi bahagian kiri kebuk jantung, losartan telah berkesan menunjukkan pengurangan risiko serangan strok dan serangan jantung, dan membantu pesakit hidup lebih lama. Walau bagaimanapun, menurut kajian ini apabila ianya dibandingkan dengan pengambilan ubat antihipertensif lain yang dipanggil atenolol; ianya tidak berkesan dalam merawat pesakit kulit hitam.

Bolehkah saya memandu atau mengendalikan alat mesin semasa mengambil

HYZAAR/FORTZAAR? Hampir semua pesakit boleh, tetapi anda tidak patut melakukan aktiviti yang memerlukan perhatian khusus (seperti, memandu kereta atau mengendalikan alat mesin yang merbahaya) sehingga anda mengetahui tahap toleransi anda dengan ubat anda.

Kesan-kesan sampingan

Sebarang ubat mungkin mempunyai kesan yang tidak dijangka atau diingini, yang dipanggil kesan sampingan. Bagi kebanyakan pesakit, **HYZAAR/FORTZAAR** diterima dengan baik. Kesan sampingan mungkin seperti rasa loya, muntah, kekejangan, cirit-birit, sembelit, sakit kepala, lemah, pitam, keletihan, bengkak di dalam usus, ruam, perubahan deria rasa, penglihatan yang kekadang kabur, atau kulit terlalu sensitif dengan cahaya matahari.

Kemungkinan satu lagi kesan sampingan ialah rasa pitam atau ringan kepala akibat dari penurunan tekanan darah secara mendadak apabila berdiri dengan cepat. Doktor anda atau ahli farmasi mempunyai senarai yang lebih lengkap. Beritahu doktor anda atau ahli farmasi segera tentang ini atau sebarang simptom yang luar biasa.

Jika anda mengalami reaksi alahan yang melibatkan bengkak pada muka, bibir, tengkuk dan/atau lidah yang mungkin menyebabkan susah untuk bernafas atau menelan, berhenti mengambil **HYZAAR/FORTZAAR** dan hubungi doktor anda dengan segera.

Hydrochlorothiazide, iaitu komponen ubat ini, boleh menyebabkan:

- peningkatan kesensitifan kulit kepada matahari dan boleh meningkatkan risiko beberapa jenis barah kulit dan bibir (barah kulit bukan melanoma).
- sangat jarang berlaku: gangguan pernafasan akut (tanda termasuk sesak nafas yang teruk, demam, lemah dan kekeliruan).

Kekerapan 'tidak diketahui':

- Efusi koroid: pengumpulan cecair yang tidak normal dalam mata anda yang boleh mengakibatkan perubahan penglihatan;
- Miopia akut: rabun dekat secara tiba-tiba atau penglihatan kabur;
- Glaukoma sudut tertutup akut: peningkatan tekanan yang cepat pada mata anda, sakit mata. Jika tidak dirawat, ia boleh menyebabkan kehilangan penglihatan kekal.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

Bagaimana saya boleh memahami lebih tentang **HYZAAR/FORTZAAR** dan keadaan saya?

Anda boleh memperolehi maklumat lanjut dari doktor anda atau ahli farmasi, yang mempunyai

maklumat terperinci tentang produk dan keadaan anda.

Cara penyimpanan dan pelupusan **HYZAAR/FORTZAAR**

- Penyimpanan

Simpan **HYZAAR/FORTZAAR** pada suhu bilik.

Tutup bekas dengan rapat. Jangan buka pek lepuh sehingga anda bersedia untuk mengambil ubat. Jauhkan semua ubat-ubatan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan guna ubat ini selepas tarikh bulan dan tahun yang tertulis pada bekas seperti yang dinyatakan dengan empat nombor selepas EX (atau EXP). Dua nombor pertama menunjukkan bulan; dua nombor terakhir menunjukkan tahun.

Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut dari doktor anda atau ahli farmasi, yang mana mereka mempunyai maklumat lebih terperinci.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

HYZAAR boleh didapati dalam bentuk tablet 50/12.5 mg atau 100/12.5 mg. **FORTZAAR** boleh didapati dalam bentuk tablet 100/12.5 mg.

HYZAAR TABLET 50/12.5MG

(losartan kalium 50mg/hydrochlorothiazide 12.5mg): Tablet bujur yang bersalut kuning. Sebelah tidak bertanda, dan sebelah lagi tertulis nombor 717.

HYZAAR TABLET

50/12.5MG boleh didapati dalam pek lepuh 30 biji/kotak.

HYZAAR TABLET 100/12.5MG

(losartan kalium 100mg/hydrochlorothiazide

HYZAAR[®]/FORTZAAR[®]

Losartan Kalium/Hydrochlorothiazide (50mg/12.5mg, 100mg/12.5mg, 100mg/25mg)

12.5mg): Tablet bujur yang bersalut keputih-putihan dengan nombor '745' terukir pada sebelah dan tanpa tanda di sebelah lagi.

HYZAAR TABLET 100/12.5MG

boleh didapati dalam pek lepuh 30 biji/kotak.

FORTZAAR TABLET (losartan kalium 100mg/hydrochlorothiazide 25mg):

Tablet bujur bersalut kuning cair dengan nombor '747' pada sebelah dan kosong pada sebelah lagi

FORTZAAR TABLET boleh didapati dalam pek lepuh 30 biji/kotak.

- Bahan-bahan kandungan:

Bahan-bahan aktif:

HYZAAR TABLET 50/12.5MG

(losartan kalium dan hydrochlorothiazide) adalah sejenis tablet bersalut kuning berbentuk bujur yang mengandungi 50mg losartan kalium dan 12.5 mg hydrochlorothiazide sebagai bahan-bahan aktif.

HYZAAR TABLET 100/12.5 MG

(losartan kalium dan hydrochlorothiazide) adalah sejenis tablet bersalut keputih-putihan berbentuk bujur yang mengandungi 100 mg losartan kalium dan 12.5 mg hydrochlorothiazide sebagai bahan-bahan aktif.

FORTZAAR TABLET (losartan kalium dan hydrochlorothiazide) adalah sejenis tablet bersalut kuning cair berbentuk bujur yang mengandungi 100 mg losartan kalium dan 25 mg hydrochlorothiazide sebagai bahan-bahan aktif.

Bahan-bahan tidak aktif:

Tambahan pula, *HYZAAR TABLET*, *HYZAAR TABLET 100/12.5MG* dan *FORTZAAR TABLET*

mengandungi bahan-bahan tidak aktif seperti berikut: microcrystalline cellulose, lactose hydrous, pregelatinized starch, magnesium stearate, hydroxypropyl cellulose, hypromellose.

Walaupun *HYZAAR/FORTZAAR* mengandungi sejumlah kecil kalium, ia tidak boleh menggantikan tambahan kalium. Jika doktor anda telah memberi preskripsi tambahan kalium, teruskan mengikut nasihat doktor.

- Nombor MAL

HYZAAR TABLET 50/12.5 MG:
MAL19990960ARZ

HYZAAR TABLET 100/12.5 MG:
MAL06081219ARZ

FORTZAAR TABLET:
MAL20013017ARZ

Pengilang:

Organon Pharma (UK) Limited
Shotton Lane, Cramlington,
Northumberland, NE23 3JU,
United Kingdom.

Pemegang Pendaftaran Produk:

Organon Malaysia Sdn. Bhd.
3A-08-02, Level 8,
Corporate Tower 3A,
Pavilion Damansara Heights,
No. 3, Jalan Damanlela
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

15/10/2025 (versi 102024)

Nombor Siri:

NPRA (R1/4) 27032025/062